

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN
CHIK (BALIK PULAU)**

TARIKH : 30 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK (BALIK PULAU) minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian bersedia untuk bekerjasama dengan pertubuhan antarabangsa seperti UNESCO bagi memasukkan subjek seni dan budaya sebagai langkah menghubungkan pelajar dengan budaya warisan mereka sepertimana yang telah dijalankan di Kemboja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK), Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) turut menerapkan kurikulum kesenian dan kebudayaan.

Kurikulum kesenian dan kebudayaan telah digubal dengan mengambil kira Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. Selain itu, elemen dalam kurikulum tersebut adalah selari dengan aspirasi UNESCO yang bekehendakkan setiap negara memelihara warisan bangsa dan memupuk kreativiti dalam kalangan murid. Dalam kurikulum ini, murid didedahkan dengan kesenian dan kebudayaan tempatan dan luar negara menerusi mata pelajaran Seni Muzik, Seni Teater, Seni Tari dan Seni Visual.

KPM komited untuk memastikan kesenian dan kebudayaan yang diterapkan dalam kurikulum sekolah dapat memberi pengetahuan kepada murid untuk menghayati budaya warisan Malaysia.